

28/02/2004

Ijazah kehormat UKM untuk Dr M

BANGI: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, sebagai membalas sumbangan beliau terhadap institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu.

Pengurniaan itu dibuat pada Majlis Konvokesyen Khas UKM di Dewan Canselor Tun Abdul Razak, di universiti itu 30 April ini.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin, berkata sumbangan Dr Mahathir terlalu besar kerana beliau turut merintis kewujudan UKM apabila menjadi Naib Pengerusi Jawatankuasa Penaja IPTA itu pada 1968.

"Ketika menjadi Menteri Pelajaran, Dr Mahathir adalah Pengerusi Majlis UKM selama enam bulan iaitu dari April hingga Oktober 1974.

"Walaupun perkhidmatan beliau sebagai pengerusi tidak lama, sumbangannya dalam tempoh singkat itu berjaya meletakkan UKM sebagai IPTA tempatan yang setaraf dengan pusat pengajian ternama luar negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengenai majlis khas itu di Bilik Majlis, Bangunan Canselori UKM, di sini, semalam.